

Warga emas gagal isytihar harta didenda RM3,000

KUALA LUMPUR: Kedinginan seorang warga emas yang bankrap mengisytiharkan harta kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) cawangan Ipoh mengundang padah apabila dia didenda RM3,000 atau penjara sebulan.

Mahkamah Sesyen Ipoh, Perak kelmarin menjatuhkan

hukuman ke atas lelaki berusia 64 tahun itu selepas didapati gagal mengisytiharkan hartanya dalam Pernyataan Hal Ehwal yang difailkan kepada Mdi cawangan Ipoh.

Hakim Mahkamah Sesyen, Noor Hayati Mat dalam keputusannya membenarkan permohonan yang dibuat Pendakwa Raya, Lailawati Hussain

di bawah Sesyen 109(1)(f) Akta Kebankrapan 1967.

Lailawati berkata, lelaki itu perlu mengisytiharkan harta yang dimiliki seperti hartanah, kenderaan, saham dan wang simpanan kepada Mdi supaya ia dapat dibahagikan kepada pemiutang bagi menyelesaikan hutangnya.

HARIAN METRO

4 0405 2010